

**MODUL  
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN  
SPM 2019**

**MPP 3**

**SEJARAH  
KERTAS 2**

**NAMA** : .....

**KELAS** : .....

DIBIAYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting dan mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini  
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

**Bahagian A**  
**(40 markah)**  
**Jawab Semua Soalan**

**1** Kedatangan Islam di Tanah Melayu telah membawa perubahan yang besar kepada masyarakat tempatan.

(a) Bagaimanakah gaya hidup orang Melayu selepas kedatangan pengaruh Islam dalam aspek berikut:

(i) Hubungan antara individu dan pertalian keluarga.

.....  
.....  
.....  
[2 markah]

(ii) Adab berziarah.

.....  
.....  
.....  
[2 markah]

(b) Berdasarkan perubahan yang berlaku di 1(a), jelaskan kesan pengamalan gaya hidup Islam terhadap masyarakat Malaysia pada hari ini.

.....  
.....  
.....  
.....  
[3 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah generasi muda pada hari ini kurang menghayati gaya hidup masyarakat Timur?

.....  
.....  
.....  
.....  
[3 markah]

2 Perbandaran bermaksud perubahan daripada pekan kecil atau kampung kepada sebuah bandar hasil dari penambahan fungsinya.

(a) Bagaimanakah pekan kecil boleh berubah menjadi sebuah bandar?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....


[3 markah]

(b) Jelaskan peranan bandar-bandar baharu di negara kita.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

Gambar 1 dan Gambar 2 adalah perkembangan Kuala Lumpur pada abad ke-19 dan kini.



Gambar 1:  
Kuala Lumpur tahun 1884  
*Sumber: A Vision of the Past – A history of early photography in Singapore and Malaya, The photographs of G.R.Lambert & Co., 1880-1910, John Falconer.*

Gambar 2:  
Kuala Lumpur tahun 2019  
*Sumber: utusan.com.my*

(c) Mengapakah berlaku perkembangan tersebut?  
Gunakan pengetahuan dan pendapat anda.

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

3 Rajah berikut berkaitan dengan perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.



(a) Mengapakah golongan nasionalis menggunakan media cetak di atas sebagai pencetus semangat kebangsaan?

.....

.....

.....

[3 markah]

(b) Bagaimanakah tokoh nasionalis tersebut membangkitkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu melalui persatuan?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c)



Beri cadangan anda, agar media cetak terus relevan dalam melahirkan semangat cinta kepada negara.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4 K-ekonomi dan K-masyarakat adalah satu keperluan dalam menghadapi persaingan globalisasi.

(a) Jelaskan usaha kerajaan dalam menjayakan :

(i) K-ekonomi

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(ii) K-masyarakat

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(b) Pada pandangan anda, apakah ciri-ciri masyarakat yang mampu merealisasikan kejayaan K-ekonomi dan K-masyarakat.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**Bahagian B**  
(60 markah)  
Jawab **Tiga** Soalan

5 Dalam peningkatan sosial, pendidikan merupakan asas atau tonggak keagungan sesuatu tamadun sejak dulu hingga kini.

(a) Mengapakah pendidikan dianggap tonggak dalam peningkatan tamadun awal manusia? [4 markah]

(b) Jelaskan perkembangan pendidikan dalam tamadun berikut :

(i) Tamadun India [4 markah]

(ii) Tamadun China [4 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan hala tuju Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kewujudan Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan.

*Sumber: KBSM Sejarah Tingkatan 5 Bab 8 halaman 215*

Terangkan matlamat pendidikan di Malaysia dalam memupuk perpaduan kaum. [8 markah]

6

Bangsa Arab sebelum Islam terkenal dengan suka berperang sesama mereka, puncanya adalah terkadang sangat remeh.


*Sumber: Konsep Wastiyyah Dalam Peperangan: Tinjauan Terhadap Panduan Nabawi, A. Irwan Santeri Doll Kawaid al-Nadawi, Seminar Warisan Nabawi Kali Ke-4, Tahun 2014*

(a) Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan prinsip-prinsip peperangan dalam Islam. [4 markah]

(b) Orientalis barat menjelaskan kepada masyarakat dunia bahawa Islam berkembang melalui mata pedang. Bagaimanakah umat Islam boleh menyangkal tohmahan tersebut? [8 markah]



(c) Gambar berikut berkaitan dengan konflik antarabangsa yang tercetus pada alaf ke-21.



Perang Ekonomi Amerika-China



Konflik Antarabangsa Syria

Ramalkan keadaan dunia hari ini sekiranya konflik di atas tidak dapat ditamatkan. [8 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan cara pertembungan tamadun.

- Penaklukan dan ketenteraan
- Intelektual
- Kegiatan perdagangan

- (a) Bagaimanakah cara pertembungan tamadun di atas berlaku? [8 markah]
- (b) Pertembungan antara tamadun Islam dan tamadun-tamadun lain banyak memberikan sumbangan kepada peradaban dunia. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [6 markah]
- (c) Bagaimanakah keadaan dunia kini sekiranya tidak berlaku pertembungan antara tamadun pada zaman kegemilangan tamadun Islam dahulu? [6 markah]

- 8 Tokoh-tokoh awal yang dikaitkan dengan pakatan murni.



Tunku Abdul Rahman



Tun Tan Cheng Lock



Tun V. T. Sambanthan


- (a) Jelaskan maksud pakatan murni. [4 markah]
- (b) Terangkan peranan tokoh-tokoh di atas dalam menjayakan pakatan murni. [8 markah]
- (c) Bagaimanakah pakatan murni mampu menjamin kesejahteraan rakyat di negara ini. [8 markah]

9

Tarikh 16 September 1963 adalah detik bersejarah yang menyaksikan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah, Sarawak dan Singapura membentuk sebuah negara baharu bernama Malaysia.

- (a) Mengapakah Lee Kuan Yew bersungguh-sungguh untuk menggabungkan Singapura dalam Malaysia? [4 markah]
- (b) Suruhanjaya Cobbold telah menerima memorandum yang memberikan pertimbangan kepada pandangan serta pendapat Sarawak dan Sabah tentang Pembentukan Malaysia.  
Bagaimanakah Suruhanjaya Cobbold memainkan peranannya dalam menjayakan perkara tersebut? [8 markah]
- (c) Apakah iktibar daripada kejayaan pembentukan Malaysia terhadap generasi muda hari ini? [8 markah]

10 Rajah 1 menerangkan tentang Badan Perundangan di Malaysia.



(a) Berdasarkan rajah 1, huraikan ciri:

(i) Dewan Negara [4 markah]

(ii) Dewan Rakyat [4 markah]

(b) Bagaimanakah Jemaah Menteri atau Kabinet berperanan sebagai badan pelaksana dasar-dasar kerajaan? [6 markah]

(c) Sistem pentadbiran yang sistematik dapat mewujudkan sebuah negara yang stabil.  
Beri penjelasan anda. [6 markah]

11 Rancangan Malaysia Keempat dilancarkan semasa kelembapan ekonomi dunia dan masih lagi bertunjangkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dalam rancangan ini kerajaan mengambil langkah memperkenalkan sektor perindustrian dalam memacu ekonomi negara.

(a) Mengapakah kerajaan mula memberi tumpuan terhadap industri berat di negara kita?  
Berikan pendapat anda. [4 markah]

(b) Sektor perindustrian mula diberi perhatian dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju.  
Apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam merealisasikan hasrat tersebut. [8 markah]

Selaras Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) Malaysia akan menjadi destinasi utama industri berteknologi tinggi.

*Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad.*

*Sumber : Berita Harian.com.my.  
Capaian pada 9 Julai 2019*

(c) Apakah cabaran untuk mencapai hasrat Perdana Menteri ini. Berikan hujah anda berdasarkan pengetahuan anda. [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**